

**PERTANDINGAN CABARAN INOVASI
PERINGKAT JPS TAHUN 2011**



SISTEM E-EMOLUMEN

**Unit Bajet
Seksyen Kewangan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pengairan Dan Saliran, Malaysia**

MAKLUMAT RINGKAS UNIT BAJET

SEKSYEN KEWANGAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

LATARBELAKANG UNIT BAJET

i. Struktur Organisasi dan Senarai Tugas

- a) Di bawah Waran Perjawatan **E84** Tahun **2009**, kedudukan struktur organisasi Unit Bajet adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Unit Bajet diketuai oleh seorang Penolong Pengarah (Kewangan) Gred M41 yang bertanggungjawab kepada Ketua Penolong Pengarah (Kewangan) Gred M48 dengan jumlah keanggotaannya sebanyak empat (4) orang.
- b) Unit ini bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal kewangan belanja mengurus seperti berikut :
- Menyelaras Anggaran Belanjawan Mengurus Jabatan dengan mengumpul, menyemak dan mengemaskini permohonan daripada semua Bahagian/PTJ Jabatan mengikut format ABM di bawah Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan One Off;
 - Bertanggungjawab dalam mengawal perbelanjaan ke atas agihan peruntukan belanja mengurus setiap Bahagian/PTJ termasuk pindah peruntukan dan tarik balik setelah diluluskan oleh Pengarah/Ketua Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan;
 - Bertanggungjawab dalam menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan Jabatan bagi tujuan rekod dan semakan;
 - Bertanggungjawab dalam menyemak baki peruntukan Bahagian/Jabatan sebelum mengemukakan permohonan kelulusan Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan bagi memastikan Mesyuarat/Kursus/Seminar di dalam dan diluar Negara;
 - Bertanggungjawab dalam menyelaras permohonan Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal bagi melaksanakan urusan kewangan;
 - Menjadi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang wajib diadakan empat (4) kali setahun sepertimana yang ditetapkan dalam PP Bil.10 Tahun 2008



ii. Huraian Dan Butir-Butir Inovasi Produk Perkhidmatan Yang Telah Dihasilkan

a) Sistem Emolumen

Sistem ini dibangunkan untuk menguruskan data emolumen pegawai/kakitangan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran). Sistem ini berfungsi menyimpan dan memaparkan maklumat emolumen pegawai/kakitangan JPS yang terkini. Ia dibangunkan pada tahun 2008 dan pada asalnya, maklumat dalam sistem ini digunakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan bagi (BKP) membuat anggaran perbelanjaan emolumen bagi keseluruhan pegawai/kakitangan JPS dalam proses penyediaan anggaran bajet mengurus tahunan jabatan. Namun begitu, selaras dengan keperluan maklumat ini, ia telah ditambahbaik dan diperluaskan penggunaan sehingga kegunaan pengurusan atasan dalam membuat keputusan. Sistem ini mempunyai 8 modul seperti berikut :

- **Modul Log In**

Pengguna *log in* ke dalam sistem melalui modul ini

- **Modul Kemaskini Katalaluan**

Modul ini membenarkan pengguna sistem untuk menukar katalaluan.

- **Modul Emolumen Ikut Penempatan**

Modul ini memaparkan skrin kemasukan maklumat emolumen pegawai/kakitangan JPS mengikut bahagian. Pengguna juga dapat memaparkan maklumat emolumen pegawai/kakitangan JPS mengikut bahagian.

- **Modul Senarai Gaji**

Modul ini memaparkan tangga gaji bagi pegawai/kakitangan mengikut skim dan gred. Pengguna juga dibenarkan untuk menambah dan mengemaskini rekod tangga gaji.

- **Modul Elaun – elaun**

Modul ini memaparkan elaun yang diterima oleh pegawai/kakitangan JPS mengikut gred. Pengguna juga dibenarkan untuk menambah dan mengemaskini rekod elaun.



- **Modul COLA dan KWSP**

Modul ini memaparkan bayaran COLA mengikut kategori kawasan dan peratusan KWSP. Pengguna juga dibenarkan untuk menambah dan mengemaskini COLA dan KWSP.

- **Modul Kelas Kuarters**

Modul ini memaparkan bayaran kuarters mengikut kategori kawasan dan peratusan kuarters. Pengguna juga dibenarkan untuk menambah dan mengemaskini kelas kuarters.

- **Modul *Log Out***

Pengguna akan *log out* daripada sistem melalui modul ini.

iii) **Perubahan Yang Telah Dicapai Melalui Sistem Emolumen**

- Sebelum Sistem Emolumen ini di bangunkan, BKP terpaksa membuat pengiraan emolumen secara manual..
- Pengguna dapat mengetahui kelayakan emolumen yang sepatutnya dan amaun pinjaman (kenderaan/rumah/computer) yang layak dipohon.
- Dapat menjimatkan masa dalam membuat perkiraan emolumen daripada sebulan ke 15 minit .
- Data perkiraan emolumen ini, dapat diakses untuk digunakan oleh warga JPS untuk mengetahui implikasi kewangan Jabatan sedia ada bagi maksud pemantauan perbelanjaan khususnya bagi pembayaran emolumen.
- Selain itu, pengurusan atasan juga boleh mengetahui implikasi kewangan berdasarkan jumlah perjawatan sedia ada di sesuatu bahagian kerana ada integritas diantara kedua-dua modul ini.



iv. a) **Kreativiti**

Tujuan awal sistem ini dibuat adalah untuk membantu proses perancangan dan menyiapkan anggaran belanjawan tahunan dan membantu dalam pengiraan implikasi kewangan secara '*modelling*' untuk proses penstrukturan semula Jabatan. Sistem ini ditambahbaik dengan membenarkan semua warga Jabatan untuk melihat status emolumen dan kelayakan pinjaman mereka. Penambahbaikan ini telah meningkatkan lagi penyampaian maklumat kepada warga Jabatan dengan maklumat yang diperolehi adalah lebih tepat, mudah dan cepat, berbanding sebelum ini setiap warga yang hendak mengetahui status emolumen, kenaikan gaji tahunan dan kelayakan pinjaman perlu mengemel atau menelefon Bahagian Khidmat Pengurusan bagi mendapatkan maklumat. Tempoh masa maklumat diperolehi adalah sehingga 30 minit kerana maklumat diperolehi secara manual dengan mendapatkan fail daripada bilik fail serta perlu mengira jumlah kelayakan yang pegawai dapat. Selain itu, kakitangan bertanggungjawab juga terpaksa memberikan keutamaan kepada urusan lain yang lebih penting. Setakat pengetahuan Jabatan, **masih belum ada** sebarang agensi kerajaan yang menggunakannya.

b) **Potensi Pelaksanaan**

Pembangunan dan pelaksanaan sistem ini adalah selaras dengan Teras Kelima Misi Nasional, 2006-2020 iaitu mengukuhkan keupayaan institusi dan Pelaksanaan, dengan cara meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam menerusi memperkukuh tadbir urus, memperkemas proses pentadbiran dan pengukuran prestasi serta memperbaiki penggunaan dan kecekapan kos dana sektor awam dengan mengamalkan kewangan berhemat serta meningkatkan pemantauan pelaksanaan. Sistem yang dibangunkan ini berupaya menyumbang kepada peningkatan sistem penyampaian Jabatan melalui maklumat asas yang boleh diperolehi dengan cepat dan tepat serta dapat memperbaiki penggunaan dan kecekapan kos melalui penjimatan atas kos tenaga kerja serta kos tak langsung seperti penggunaan kertas yang minimum.



c) **Replicability**

Di atas konsep dan inisiatif baru yang ada dalam pembangunan dan pelaksanaan sistem ini, ianya boleh diperluaskan penggunaannya di seluruh Jabatan atau Agensi di peringkat lain-lain Kementerian ataupun Negeri. Sistem ini boleh dilaksanakan di mana-mana Kementerian atau Agensi Kerajaan kerana:-

- Sistem ini dibangunkan selaras dengan peraturan kewangan serta garis panduan Sistem Belanjawan Diubahsuai / *Modified Budgeting System* (MBS). Ia juga boleh digunakan untuk penyediaan *Outcome Based Budgeting* (OBB) kerana maklumat yang dijana oleh sistem ini boleh digunakan sebagai asas mana-mana sistem pengurusan bajet yang digunakan oleh Kerajaan;
- Sistem ini direkabentuk menggunakan sumber yang perakukan oleh MAMPU, oleh itu, mana-mana Jabatan atau agensi boleh mengubahsuai atau menambahbaik sistem ini mengikut keperluan masing-masing;
- Pelaksanaannya di Jabatan atau Agensi lain tidak memerlukan kos yang tinggi

d) **Efisien**

Sistem ini bertujuan memudahkan pengguna mendapatkan maklumat mengenai status emolumen sedia ada di Jabatan. Antara penambahbaikan yang dihasilkan melalui sistem ini ialah:-

- Mempercepatkan proses pengiraan emolumen bagi setiap pegawai di Jabatan;
- Memberi maklumat yang lebih tepat mengenai emolumen, kelayakan pinjaman serta implikasi kewangan yang terlibat dalam penyediaan bajet mengurus, penstrukturan semula organisasi dan audit perjawatan Jabatan;
- Memberi maklumat segera kepada pegawai dan kakitangan Jabatan mengenai tarikh anjakan gaji dan tangga gaji yang baru serta amaun kelayakan bagi pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan;



-
- Menjimatkan masa dan kos pengiraan emolumen daripada secara manual kepada secara *one click*;
 - Menjana laporan mengenai implikasi emolumen kepada stakeholder dengan lebih cepat;
 - Alat membuat keputusan bagi peringkat pengurusan tertinggi secara *online*;
 - Mengurangkan penggunaan kertas untuk membuat pengiraan dan menjana laporan;
 - Satu mekanisme pemantauan bagi pengurusan bajet mengurus Jabatan;
 - Satu pengkalan menyimpan data berhubung perjawatan dan emolumen Jabatan agar kelangsungan maklumat dapat diteruskan berbanding secara manual;

e) Signifikan

- Pembangunan dan pelaksanaan sistem ini adalah selaras dengan Teras Kelima Misi Nasional, 2006-2020 iaitu mengukuhkan keupayaan institusi dan Pelaksanaan, dengan cara meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam menerusi memperkukuh tadbir urus, memperkemas proses pentadbiran dan pengukuran prestasi serta memperbaiki penggunaan dan kecekapan kos dana sektor awam dengan mengamalkan kewangan berhemat serta meningkatkan pemantauan pelaksanaan.
- Sistem yang dibangunkan ini berupaya menyumbang kepada peningkatan sistem penyampaian Jabatan melalui maklumat asas yang boleh diperolehi dengan cepat dan tepat serta dapat memperbaiki penggunaan dan kecekapan kos melalui penjimatan atas kos tenaga kerja serta kos tak langsung seperti penggunaan kertas yang minimum.



f) Keberkesanan Kos

- Sistem yang dijana ini dapat menjimatkan kos tenaga kerja serta kos tak langsung seperti penggunaan kertas yang minimum. Contoh Pengiraan emolumen adalah seperti di **LAMPIRAN B1 & B2**

g) Komitmen Pengurusan Atasan

Maklumat yang dijana oleh Sistem e-Emolumen digunakan oleh pihak pengurusan pihak atasan digunakan dalam:

- i) Mengetahui jumlah perbelanjaan emolumen yang terlibat :
 - Setiap tahun;
 - Anggaran 3 atau 5 tahun
 - Pelaporan dalam mesyuarat JPKA, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Jabatan (*Re-org*)
- ii) Menentukan pengambilan pekerja kontrak atau sambilan;
- iii) Mengetahui jumlah perjawatan yang telah diisi dan kosong di Jabatan;
- iv) Membantu dalam membuat keputusan cadangan penambahan perjawatan (*Re-org*), penempatan pegawai dan penempatan semula (*Re-deployment*).



v) Pelaksanaan Sistem Emolumen

Sistem Emolumen dibangunkan oleh Seksyen Pembangunan dan Peyelenggaraan Sistem Aplikasi, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) JPS. Pembangunan sistem dilaksanakan oleh seorang Pegawai Sistem Maklumat dan seorang Penolong Pegawai Sistem Maklumat pada tahun 2008 dan sistem inidigunakan pada tahun yang sama. Sistem ini dapat dicapai melalui rangkaian intranet JPS dan alamat url sistem ialah: <http://it.water.gov.my/intranetx/emolumen>. Screen shot paparan sistem seperti rajah di bawah manakala Aliran Kerja Sistem e-emolumen adalah seperti di **LAMPIRAN C1 & C2**.



Rajah 1.1 – Skrin Utama Sistem Emolumen



Rajah 1.2 – Menu Utama Sistem Emolumen

Bil.	Nama/Jawatan	Gred Gaji	Tangga Gaji	Memangku	Skim	Bulan Nak Gaji	Quaters	Cola	EPK	BITK	BITW	EPW	ITP	Elaun Pemandu	Elaun Peg. Stor	Elaun DwiBahasa	Kelayakan Perumahan	Kelayakan Kenderaan
1	En. Muhammad Anif Bin Amir -19652	F44		<input type="checkbox"/>	Pencen	Jan	<input type="checkbox"/>	A	-Pilih-	-Pilih-	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2	En. Holid Faizal bin Ahmad Penolong Pegawai Teknologi Maklumat -7606	F29	P1T6	<input type="checkbox"/>	Pencen	Okt	<input type="checkbox"/>	A	-Pilih-	-Pilih-	RM 0	RM 0	RM 180	RM 0	RM 0	RM 0	192000	RM 55000
3	Cik Haziana binti Husnata Penolong Pegawai Teknologi Maklumat -7608	F29	P1T5	<input type="checkbox"/>	Pencen	Jul	<input type="checkbox"/>	A	-Pilih-	-Pilih-	RM 0	RM 0	RM 180	RM 0	RM 0	RM 0	192000	RM 55000
4	En. Hafiz bin Shamsuddin Penolong Pegawai Teknologi Maklumat -7610	F29	P1T5	<input type="checkbox"/>	Pencen	Jan	<input type="checkbox"/>	A	-Pilih-	-Pilih-	RM 0	RM 0	RM 180	RM 0	RM 0	RM 0	192000	RM 55000
5	Cik Norazlina binti Osman Penolong Pegawai Teknologi Maklumat -7607	F32	P1T5	<input type="checkbox"/>	Pencen	Apr	<input type="checkbox"/>	A	-Pilih-	-Pilih-	RM 0	RM 0	RM 180	RM 0	RM 0	RM 0	300000	RM 55000
6	Puan Zuraida binti Zainal Abidin Penolong Pegawai Teknologi Maklumat -19655	F38	P1T8	<input type="checkbox"/>	Pencen	Apr	<input type="checkbox"/>	A	-Pilih-	-Pilih-	RM 0	RM 0	RM 180	RM 0	RM 0	RM 0	360000	RM 55000

Rajah 1.3 – Skrin Kemasukan Maklumat Emolumen



Sistem Emolumen - Microsoft Internet Explorer provided by Jabatan Pengairan dan Saliran

http://it.water.gov.my/intranet/emolumen/td_Emolumen.cfm

Sistem Emolumen

Selamat Datang KOMATHE A/P MANIAN | Muka Utama | Kemaskini Katalakan | Emolumen ikut penempatan | Senarai Gaji | Elaun-elaun | COLA & EPF | Kelas Quarters | Laporan | Log-Out

Anggaran Emolumen Bagi Kakitangan Bahagian Pengurusan Maklumat dari Tahun 2011 hingga tahun 2011 Pamer

Tahun 2011

Bil	Nama	Gred	Mata gaji	Gaji Pokok (Bulanan)	Jumlah Gaji (Tahunan)	Elaun Keriaan	Elaun Perkhidmatan Awam	Elaun kritikal	Elaun Rumah	COLA	ITK	EPK	BIW	EPW	Pemandu Stor	Dwibahasa	Pinjaman Perumahan	Pinjaman Kenderaan	Jumlah Elaun (Tahunan)	KWSP	Jumlah KWSP Tahunan	Tarikh Kemaskini	
1.	MAZIANA BINTI MUSTAFA	P29	P1T5	1811.06	22,065.47	0.00	160.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	55000.00	7,680.00	-	-	06/05/2011	
2.	HAFIZ BIN SHAMSUDDIN	P29	P1T5	1811.06	21,726.72	0.00	160.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	55000.00	7,680.00	-	-	06/05/2011	
3.	MOHD FAIZAL BIN AHMAD	P29	P1T6	1877.61	22,664.42	0.00	160.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	55000.00	7,680.00	-	-	06/05/2011	
4.	NORAZLINA BINTI OSMAN	P32	P1T5	3107.27	38,073.72	0.00	160.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	300000.00	55000.00	7,680.00	-	-	06/05/2011	
5.	JURASITA BINTI ZAHAL ABIDIN	P38	P1T8	3963.01	49,102.92	0.00	160.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	360000.00	55000.00	7,680.00	-	-	06/05/2011	
6.	NOR FAULINDA BINTI MOHD PUAD	P41	P1T3	2082.69	24,992.88	0.00	300.00	-	250.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	65000.00	10,200.00	229	2,748	06/05/2011	
7.	NUR ASYKIN BINTI HJ. RAMLI	P41	P1T2	1990.85	24,349.40	0.00	300.00	-	250.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	65000.00	10,200.00	219	2,628	06/05/2011	
8.	SITI SARANI BT. MOHD ISMAIL	P41	P1T2	1990.85	24,349.40	0.00	300.00	-	250.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	65000.00	10,200.00	219	2,628	06/05/2011	
9.	ARTIESA BINTI ARRIS	P41	P1T4	2174.53	26,278.04	0.00	300.00	-	250.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	65000.00	10,200.00	-	-	06/05/2011	
10.	MONIA LIZA BINTI JAWAFAR	P44	P1T2	3173.63	38,848.91	400.00	0.00	-	400.00	300.00	-	-	-	-	-	-	300000.00	65000.00	13,200.00	-	-	06/05/2011	
11.	ROSDIANA BINTI AHMAD	P44	P1T9	4245.12	50,941.44	400.00	0.00	-	400.00	300.00	-	-	-	-	-	-	360000.00	65000.00	13,200.00	-	-	06/05/2011	
12.	Kecelangan	P44	P1T2	3173.63	38,083.96	400.00	0.00	-	400.00	300.00	-	-	-	-	-	-	240000.00	-	13,200.00	349	4,188	21/10/2010	
13.	MOHD SHAH BIN RAHMAN	P48	P1T3	4839.24	59,107.53	550.00	0.00	-	700.00	300.00	-	-	-	-	-	-	360000.00	65000.00	18,600.00	-	-	06/05/2011	
14.	NORIZAN BINTI HARUN	P54	P2T8	7459.45	89,513.40	800.00	0.00	-	900.00	300.00	-	-	-	-	-	-	360000.00	65000.00	24,000.00	-	-	06/05/2011	
15.	HASMEZAN BIN HAJI TALIB	PT17	P1T13	1460.22	17,855.39	0.00	115.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	156000.00	55000.00	7,140.00	-	-	06/05/2011	
16.	NOORLIZAWATHY BINTI MD. NOR	PT17	P1T13	1460.22	17,855.39	0.00	115.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	156000.00	55000.00	7,140.00	-	-	06/05/2011	
17.	ROSTAH BINTI SATAR	PT22	P1T6	2264.61	27,377.38	0.00	115.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	192000.00	55000.00	7,140.00	-	-	06/05/2011	
18.	RAHIM ANUAR BIN AMIRULLAH	P36	P1T3	2933.35	35,609.35	0.00	220.00	-	0.00	0.00	-	-	-	513.00	550.00	-	240000.00	55000.00	15,396.00	-	-	06/05/2011	
19.	HATTA BIN TAHAR	N1	P1T6	853.35	10,321.88	0.00	95.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	96000.00	55000.00	6,900.00	-	-	06/05/2011	
20.	SITI MAHANI BINTI ADAM	N17	P1T6	1069.93	13,238.44	0.00	115.00	-	180.00	300.00	-	120.00	-	-	-	-	120000.00	55000.00	8,580.00	-	-	06/05/2011	
21.	ROZIAN BINTI MOHD NOOR	N17	P1T24	2151.35	25,816.20	0.00	115.00	-	180.00	300.00	-	-	-	-	-	-	240000.00	55000.00	7,140.00	-	-	06/05/2011	
				55,913.23	678,267.24	2,550.00	2,890.00	0.00	5,780.00	6,000.00	0.00	0.00	0.00						220,836.00		12,192.00		

Laporan pada: 02/09/2011

Jumlah Besar: 911,295.24

EPK - Pembantu Tadbe Keselamatan (Elaun pembantu khas)
 ITK - Insentif Khas Kewangan
 BIW - Bayaran Insentif Wilayah
 EPW - Elaun perumahan Wilayah
 ITP - Imbuhan tetap perumahan

Rajah 1.4 – Paparan Maklumat Emolumen

Sistem Emolumen - Microsoft Internet Explorer provided by Jabatan Pengairan dan Saliran

http://it.water.gov.my/intranet/emolumen/istk_gaji.cfm

Sistem Emolumen

Selamat Datang KOMATHE A/P MANIAN | Muka Utama | Kemaskini Katalakan | Emolumen ikut penempatan | Senarai Gaji | Elaun-elaun | COLA & EPF | Kelas Quarters | Laporan | Log-Out

Senarai Gaji

[Tambah Gaji]

Bil	Gred	Tangga Gaji (P-1)	Gaji (RM)	Edit	Tangga Gaji (P-2)	Gaji (RM)	Edit	Tangga Gaji (P-3)	Gaji (RM)	Edit
1	B11									
2	B17	P1T		Tambah	P2T		Tambah	P3T		Tambah
3	B22									
4	F11									
5	F17									
6	F22									
7	F29									
8	F32									
9	F38									
10	P41									
11	P44									
12	P48									
13	P52									
14	P54									
15	PT17									
16	PT22									
17	G17									
18	G22									
19	G44									
20	J11									
21	J17									
22	J22									
23	J26									
24	J32									
25	J36									
26	J38									
27	J41									
28	J44									
29	J48									
30	J52									
31	J54									
32	L41									
33	L44									
34	M41									
35	M44									
36	M48									
37	M52									
38	M54									
39	N1									

Rajah 1.5 – Paparan Senarai Gaji Mengikut Skim dan Gred



The screenshot shows the 'Sistem Emolumen' web application interface. The main content area is titled 'Senarai Elaun COLA' and contains two tables. The first table lists three categories of COLA (Bil, Lokasi, Kategori, Jumlah Elaun). The second table, titled 'Potongan EPF', shows the percentage of EPF deductions for staff (11%) and the company (12%).

Bil	Lokasi	Kategori	Jumlah Elaun
1	Bandaraya	A	300
2	Bandar	B	200
3	Luar Bandar	C	100

Bil	EPF Staff	EPF Majikan
1	11%	12%

EPK - Pembantu Tadbir Keselamatan (Elaun pembantu khas)
BITK - Insentif tugas kewangan
BINW - Bayaran Insentif Wilayah
EPW - Elaun perumahan Wilayah
ITP - Imbuhan tetap perumahan

Rajah 1.6 – Paparan Senarai COLA dan Potongan EPF

The screenshot shows the 'Sistem Emolumen' web application interface. The main content area is titled 'Kelas Rumah' and contains a table with 10 rows and 6 columns. The columns are: Bil, Kelas Rumah, Bandaraya (RM), Bandar (RM), Majlis Perbandaran (RM), and Luar Bandar (RM).

Bil	Kelas Rumah	Bandaraya (RM)	Bandar (RM)	Majlis Perbandaran (RM)	Luar Bandar (RM)
1	A	650.00	550.00	435.00	200.00
2	B	500.00	415.00	335.00	140.00
3	C	350.00	295.00	240.00	80.00
4	D	200.00	175.00	155.00	60.00
5	E	150.00	130.00	110.00	50.00
6	F	100.00	85.00	75.00	40.00
7	G	45.00	35.00	30.00	20.00
8	H	20.00	15.00	10.00	8.00
9	I	10.00	8.00	6.00	4.00
10	J	10.00	8.00	6.00	4.00

EPK - Pembantu Tadbir Keselamatan (Elaun pembantu khas)
BITK - Insentif tugas kewangan
BINW - Bayaran Insentif Wilayah
EPW - Elaun perumahan Wilayah
ITP - Imbuhan tetap perumahan

Rajah 1.7 – Paparan Senarai Kelas Rumah



RUMUSAN

Sistem ini wajar dipertimbangkan untuk memenangi AIPK atas justifikasi berikut:

- Sistem e-Emolument ini adalah sistem yang memudahkan dan menjimatkan masa, kos dan tenaga pegawai-pegawai yang menggunakannya di Bahagian Khidmat Pengurusan dan pengurusan tertinggi Jabatan.
- Sistem ini mempunyai kemudahan untuk mencetak serta mendapatkan maklumat dan laporan atas talian oleh semua warga Jabatan.
- Sistem ini belum pernah dibangunkan oleh mana-mana agensi lain.
- Sistem ini boleh menjadi satu mekanisme kawalan di Kementerian Kewangan khususnya Bahagian Belanjawan untuk kegunaan BRO, agensi menyemak dan memantau belanjawan emolument agensi masing-masing.

Dengan sistem ini juga, maklumat emolument dan perjawatan terkini boleh diperolehi dengan cepat, tepat dan mudah khususnya bagi agensi-agensi yang mempunyai perjawatan yang besar dan banyak seperti MINDEF, Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pelajaran.